

11/02/2004

Faktor manusia amat penting tentukan kemajuan negara

DALAM tempoh 100 hari menerajui kerajaan, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerapkan banyak idea dan dasar baru dalam urusan pentadbiran negara. Malam kelmarin, Editor Eksekutif TV3, Fuad Abdul Rahman, menemubual Perdana Menteri untuk menyelami pelbagai pembaharuan dan pendekatan yang sudah dan bakal dilaksanakannya menerusi rancangan khas 'Cabaran Pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi'. Berikut dipaparkan hasil temu bual berkenaan.

SOALAN: Sejak tiga bulan lalu, apa agaknya perasaan menjadi seorang Perdana Menteri?

PM: Satu perkara yang saya tahu, kerja banyak sungguh yang mesti saya laksanakan dan juga ada masa-masa yang saya hadapi sesuatu perkara yang mengenainya saya kena buat keputusan dan orang lain tidak boleh buat keputusan. Dan itu memberi saya satu pengertian bahawa keputusan saya itu, kalau tidak kena, akan menyusahkan banyak orang, dan kalau kena, baik Alhamdulillah akan membawa kebaikan kepada rakyat dan negara. Jadi itulah ertinya beban dan tanggungjawab yang mesti dipikul. Alhamdulillah setakat ini apa juga keputusan yang saya buat itu nampaknya diterima oleh majoriti rakyat, Alhamdulillah saya bersyukur kepada Allah.

SOALAN: Dalam banyak hal, Datuk Seri menekankan pembangunan ekonomi. Di samping itu, masalah yang paling ketara, Datuk Seri banyak juga memperkatakan soal rasuah. Apakah pada masa sekarang, Datuk Seri melihat masalah rasuah ini boleh membantutkan perjalanan pentadbiran kerajaan jika tidak dibendung?

PM: Ya, jika tidak dibendung, rasuah akan membawa banyak masalah kepada negara, kepada pentadbiran dan juga kepada swasta. Jika ada rasuah, ertinya kos sesuatu perkhidmatan, kos sesuatu projek yang hendak dilaksanakan akan meningkat dan naik tinggi. Itu yang tidak baik. Yang keduanya pula, jika rasuah itu dibenar ataupun membiak dan menjadi amalan biasa, maka ia juga akan menyusahkan banyak orang, terutama orang yang hendakkan perkhidmatan, hendak memperoleh lesen dan sebagainya, dia tidak ada duit hendak beri sebagai rasuah untuk mempercepatkan pertimbangan kepada permohonan dia untuk mendapat sesuatu. Maka itu jadi tidak baik dan macam-macam sebenarnya kalau cakap pasal rasuah.

Mengenai yang tak baik ini saya boleh cakap panjang tetapi semua rakyat Malaysia mengakui bahawa rasuah tidak baik, dan tidak boleh dibenar merebak sampai membawa kepada masalah besar dan membawa kita kepada imej kita yang tidak baik, dan dengan itu menyebabkan orang lari berniaga dengan kita. Pelabur tak suka datang, orang berniaga pun tak suka berniaga dengan kita. Dengan itu maka kita akan menghadapi banyak masalah dan di samping itu amat memalukan.

SOALAN: Apa reaksi pegawai kerajaan sendiri?

PM: Pegawai kerajaan tidak ada bantahan, saya tidak pernah dengar sesiapa tulis surat kepada saya ataupun cakap, ataupun laporan daripada mana-mana pihak yang menentang. Sedikit, sepatah pun tak dengar menentang. Bahkan mereka sama-sama mengakui masalah itu perlu dihapuskan. Yang paling tidak menyenangkan apabila persepsi rasuah itu tebal sehingga menyebabkan imej sesuatu agensi, imej sesuatu syarikat ataupun imej sesuatu jabatan itu jadi tak baik. Yang ini tentulah mereka sendiri rasa resah, jadi kata mereka kalau ada komitmen politik betul-betul nak memerangi rasuah, kami tidak ada masalah untuk memberi sokongan.

SOALAN: Pak Lah pernah bercakap mengenai ikrar diri mengenai rasuah

dalam satu majlis.

PM: Ya, saya dah cakap dah, ikrar dah.

SOALAN: Mungkin Pak Lah ada sebut pasal undang-undang banyak manapun kalau tidak ada jati diri.

PM: Ya, yang itu betul. Undang-undang ini kalau kita buat, kalau pun sistem dan undang-undang itu baik tetapi manusia itu jenis yang tidak ambil endah, ataupun dia ada agenda sendiri dan dia ada niat tak baik, maka undang-undang itu tidak akan membawa kesan yang baik kerana orang membantah, orang tak peduli dan di samping itu sistem pun tidak akan bergerak. Jadi saya sentiasa tekankan faktor manusia itu amat-amat penting kerana manusia itulah, faktor itulah nanti yang akan menentukan perjalanan sesuatu sistem sama ada sistem itu akan bergerak dengan lancar dan baik ataupun tidak.

Sama ada sesuatu perkhidmatan yang akan diberikan itu baik atau tidak, semuanya bergantung kepada manusia, bukan sangat kepada sistem. Tetapi kalau sistem itu baik dan faktor manusia itu juga baik, maka ia akan membawa kepada hasilnya ialah kecemerlangan. Tetapi kalau sistem itu kurang baik tetapi manusia itu baik, dia masih boleh dapat mengatasi dan membuat penyesuaian bagi menjayakan sesuatu yang hendak dibuat. Tetapi kalau manusia itu tidak baik, apa sistem yang baik pun tidak akan membawa apa-apa kesan.

SOALAN: Masih mengenai rasuah, apakah Pak Lah telah dimaklumkan perkembangan terbaru mengenai Tan Sri Eric Chia, bekas Pengarah Urusan Perwaja Steel, ditahan oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR)?

PM: Tadi pegawai saya beritahu, tangkapan telah pun dilakukan.

SOALAN: Apa komen Pak Lah setakat ini?

PM: Apa yang nak saya komen, itu adalah sebenarnya penguatkuasaan undang-undang. Dan kalau berlaku, telah didapati ada kesalahan yang telah dilakukan yang bersabit dengan rasuah, maka tentulah pihak berkuasa akan mengambil tindakan mengikut undang-undang.

SOALAN: Malaysia telah mencapai satu tahap pembangunan fizikal yang begitu tinggi, apakah rentak pembangunan projek besar ini diperlahankan sedikit?

PM: Bukan soal perlahan atau cepat, soalnya kita hendak supaya infrastruktur di satu pihak dan fakta manusia dan program yang hendak kita laksanakan itu seimbang. Jadi bukan satu terlajak dan yang kedua tertinggal. Kedua-dua itu mesti diseimbangkan. Ada kalanya kita memerlukan kepada infrastruktur. Tanpa ada infrastruktur, kita tidak boleh membuat apa-apa. Tapi ada kalanya kita hendak memberi perhatian kepada faktor manusia itu lebih sedikit kerana infrastruktur itu sudah ada, kita mahu mengambil kesempatan yang terbaik untuk mendapat sebesar-besarnya faedah daripada kemudahan yang telahpun disediakan, infrastruktur yang telah diwujudkan.

SOALAN: Pak Lah pernah menyebut pembangunan minda yang tidak selari dengan pembangunan fizikal.

PM: Saya sudah lama cakap pasal ini. Yang saya kata kemudahan kelas satu, minda pemikiran kelas tiga. Jadi bermakna perbelanjaan dan tenaga yang telah diberikan bagi mewujudkan infrastruktur dan kemudahan itu tidak mendatangkan hasil sebagaimana diharapkan kerana faktor manusia itu tidak membantu, tidak bergerak, tidak membuat sesuatu supaya kebaikan yang diharap diperolehi daripada infrastruktur itu dapat. Jadi, sekarang inilah perkara yang kita kena penuhi.

SOALAN: Mungkin ada pihak mengatakan kemajuan telah menggadai nilai kemanusiaan kepada kita, menyebabkan kita menjadi lebih individualistik.

PM: Itu kebimbangan saya dan ada tanda-tanda ia berlaku iaitu apabila kita tahu bahawa bagi seseorang yang tinggal di kota besar Kuala Lumpur, di Lembah Klang, jiran dia yang sebenar mungkin bukan yang duduk sebelah

walaupun secara fizikalnya duduk sebelah. Tetapi dia tak kenal, dia tak pernah peduli, jirannya boleh jadi 10 kilometer jauh. Itulah orang yang paling dekat, orang yang dia akan panggil, orang yang akan datang ke rumah dia, yang sentiasa kunjung ke rumah dia, tetapi jiran yang duduk tepi itu seperti tidak wujud kepada dia. Itu dia sudah tak ambil kisah dengan kedudukan masyarakat, kedudukan orang lain dalam lingkungan atau kawasan kejiranan itu macam dia tidak ada apa-apa. Dia lebih kisah kepada diri dia.

Semua manusia ada kawan tetapi kalau dalam banyak hal kita hendak bersendirian, kita tak mahu bergaul dengan orang, kita ambil kisah kita, jadi kita pentingkan kepada kepentingan individu dan kita tak ambil kisah kepentingan masyarakat dan kita tak buat apa-apa, ini yang tidak baik. Maka sebab itu kita hendak mewujudkan program-program yang menggalakkan perhubungan masyarakat berada pada tahap yang baik, saling membantu, bekerjasama menjayakan program yang akan menjadikan kawasan kejiranan mereka itu kawasan yang aman, selamat dan selesa bagi penduduk di situ. Jadi dengan itu adalah semangat untuk memberi khidmat masyarakat.

SOALAN: Mungkinkah kemerosotan nilai ini telah mendorong kepada banyak masalah sosial yang kita dengar?

PM: Itu satu daripada kemungkinan dan kita dengan itu mesti berusaha supaya apa juga kesan buruk yang mungkin timbul setelah kita melaksanakan pelbagai program, jadi apa yang tidak baik kita kena hapuskan. Itu yang penting. Jika kita biar, ia akan menjadi satu perkembangan baru yang tidak sihat yang terpaksa diterima, ini yang tidak baik. Jadi kita perlu tangani pada peringkat lebih awal lagi.

SOALAN: Setakat ini bagaimana Pak Lah melihat imej jabatan kerajaan, agensi kerajaan kalau kita bercakap mengenai kerenah birokrasi dan sebagainya dan Pak Lah sendiri telah melawat Jabatan Imigresen baru-baru ini?

PM: Saya lihat ada keinginan untuk membaiki lagi imej dan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik. Tetapi ia mengambil masa sedikit. Kita sudah memperkenalkan mengenai mendapat maklum balas tentang khidmat yang telah diberikan kepada pelanggan. Isi borang beritahu baik atau tidak baik. Itu satu perkara, yang keduanya konsentrasi kita kepada perkhidmatan kaunter, ketiganya kepada perkhidmatan untuk memberi lesen, permit dan kemudahan itu kita kena awalkan. Sebab inilah 'contact point' antara jabatan dengan rakyat.

SOALAN: Bagaimana dengan imej polis?

PM: Persepsinya tak begitu membanggakan. Itu persepsinya tetapi dari segi kerja, kalau kita tengok secara objektif, memang polis telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Kalau polis gagal langsung, tak baik langsung, kita rakyat Malaysia tidak akan menikmati keamanan dan keselamatan. Tidak akan ada 'law and order', tidak akan ada lagi peraturan dan undang-undang di negara kita ini. Semuanya dah tak dapat mengawal lagi keadaan. Jadi polis bekerja tetapi saya juga memahami bahawa kerja polis sekarang ini cukup mencabar jika dibandingkan dengan peranan polis pada masa dulu. Sekarang ini mencabar dengan zaman siber teknologi ini yang juga digunakan oleh penyangak dan penjenayah. Mereka pun nak canggih juga.

Di samping itu dalam keadaan sekarang ini pun jenis-jenis jenayah seperti jenayah perdagangan berlaku dan polis mesti tahu hendak menyiasat, dan jenayah-jenayah yang membabitkan penggunaan teknologi. Sebab itu polis kena menambah, meningkatkan kecekapan, keupayaan daripada segi alat dan ilmu yang digunakan. Sebab saya cadangkan supaya diwujudkan satu Suruhanjaya Diraja mengenai polis ialah mempunyai tujuan untuk menjadikan Polis Diraja Malaysia (PDRM) lebih lagi berupaya, berwibawa untuk menangani masalah dan cabaran pada masa depan. Saya mengakui ruang untuk baiki ada, jadi soalnya kita sekarang hendak membaiki lagi, bukan

sebagaimana sesetengah orang kata Suruhanjaya Diraja ini akan menjadi 'police bashing', diwujudkan hanya untuk pukul polis. Bukan begitu, kita hendak supaya ia memikirkan apakah langkah yang boleh diambil supaya PDRM lebih berupaya, lebih berwibawa dan lebih berkesan dalam tindakannya.

SOALAN: Dalam Umno, kalau pelantikan baru menimbulkan perebutan kuasa yang merugikan parti, apakah pelantikan Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini menimbulkan masalah yang sama?

PM: Tiada masalah, daripada awal tiada masalah, Alhamdulillah.

SOALAN: Bagaimana Datuk Seri melihat kerjasama?

PM: Tak ada masalah, kita bekerjasama, saya tidak menemui apa-apa masalah.

SOALAN: Adakah pihak yang cuba menonjolkan isu?

PM: Mungkin ada, saya ada dengar pada peringkat awal tapi setelah beberapa kali Datuk Seri Najib sendiri membuat kenyataan-kenyataan tentang dia dengan saya boleh bekerja, dia taat setia kepada saya, maka kalau ada sesiapa nak cucuk dah tak boleh cucuk lagi dah. Kecewalah mereka.

SOALAN: Bagaimana dengan situasi Umno di Kelantan sekarang?

PM: Bertambah baik pada masa ini. Kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh Umno pada waktu ini juga mendapat sambutan yang lebih baik daripada dulu. Kita bersedia menghadapi pilihan raya, kita mesti terus bekerja kuat.

SOALAN: Di Terengganu bagaimana?

PM: Di Terengganu lebih baik daripada situasi di Kelantan. Jadi harapan Barisan Nasional untuk mencapai kejayaan yang lebih besar di Terengganu, kita harap akan menghasilkan kejayaan sebagaimana diharapkan.

SOALAN: Lawatan Datuk Seri ke negara Asean banyak membawa perspektif baru dari segi hubungan dua hala, terutamanya Singapura. Bagaimana Pak Lah melihat hubungan kita dengan Singapura sekarang?

PM: Hubungan dengan Singapura berada dalam keadaan yang baik, yang pada waktu ini tidak menimbulkan apa-apa ketegangan dan apa-apa pergeseran. Pada waktu ini yang ada pada kedua-dua belah pihak adalah harapan supaya masalah dua hala yang ada pada waktu ini diselesaikan dengan segera.

SOALAN: Apakah mungkin tidak nanti sikap toleransi Pak Lah ini diambil kesempatan?

PM: Tidak boleh, tidak boleh. Mereka akan tahu, mereka tidak boleh ambil kesempatan.

SOALAN: Dalam lawatan ke Thailand, Datuk Seri ada mengatakan soal untuk membangunkan kawasan di sempadan Malaysia-Thai untuk membawa masyarakat Islam ke dalam aliran utama pembangunan supaya tidak terpinggir. Apa reaksi Bangkok?

PM: Baik, sebab idea ini timbul ketika perbincangan saya dengan Perdana Menteri Thailand. Beliau dan saya, Malaysia dan Thailand, perlu mengambil tindakan untuk membawa pembangunan di kawasan itu. Pembangunan di kedua-dua belah pihak, sebelah kita dan sebelah selatan Thailand supaya dengan adanya pembangunan di situ akan ada harapan baru untuk rakyat di situ, peluang baru untuk mengambil bahagian supaya mereka nanti dapat menikmati pendapatan yang baik, ada pekerjaan dan sebagainya. Dengan cara ini kita harap masalah yang wujud di kawasan itu akan dapat dihapuskan sedikit demi sedikit. Semuanya tidak boleh diharapkan dalam masa singkat, ia akan mengambil masa. Kawasan itu kawasan yang miskin, kawasan yang mungkin rakyat rasa mereka tidak ada peranan yang sewajarnya dalam pembangunan yang pesat. Jadi kalau ada rancangan, insya-Allah ia akan membantu. Saya dan Perdana Menteri Thailand akan bincang lagi secara khusus projek yang boleh dilaksanakan.

SOALAN: Selepas kejadian 11 September, kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan di Eropah sering menuding jari untuk menuduh negara Asean menjadi 'hub' kepada aktiviti keganasan. Bagaimana kerjasama Asean dalam memerangi keganasan?

PM: Kerjasama negara Asean dalam hal ini adalah baik, bertukar-tukar maklumat perisikan, bekerjasama, bantu-membantu dalam hal ini. Ini baik dan berjalan dengan elok pada masa ini. Oleh sebab itulah kita dapat sama-sama menjamin keamanan dan keselamatan di rantau ini terpelihara. Itu yang penting dan kerjasama ini akan diteruskan. Bila saja sesuatu kerjasama itu diperlukan daripada mana-mana pihak, maka tindakan diambil dan pihak yang berkenaan akan memberi kerjasama. Seperti sekarang ini kalau Indonesia minta, kita bantu. Dan kalau kita minta, Indonesia akan bantu. Begitu juga dengan Thailand, Filipina. Itulah pendekatan yang kita ambil sekarang ini kerana kita tahu puak-puak jenayah dan penganas, dia tak kira sempadan. Dia boleh ada di mana-mana saja, kadang-kadang mungkin guna dokumen palsu untuk pergi sana, pergi sini. Dengan itu kita tidak boleh perhati apa yang berlaku dalam negara kita, kita mesti perhati juga apa yang berlaku di negara lain. Jika berlaku di negara lain mereka akan beritahu kita. Hari ini berlaku di sana, esok mungkin berlaku di tempat kita. Kerana yang melakukan sesuatu yang buruk di sesebuah negeri itu, mungkin dia nak melepaskan diri. Antaranya mungkin lari ke negeri lain. Jadi dengan itu kita kena berhati-hati.

SOALAN: Apa agenda Malaysia daripada segi memperjuangkan hak masyarakat Islam yang tertindas seperti di Palestin, Afghanistan?

PM: Ada beberapa perkara yang kita mesti ambil. Pertamanya, dari segi tindakan diplomatik di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Ini adalah penting, sentiasa berusaha bukan sekadar untuk mendapat perhatian tetapi untuk mendapat sokongan dan apa juga tindakan yang wajar diambil untuk menyokong perjuangan rakyat di negeri-negeri yang berkenaan. Keduanya, membantu secara langsung sama ada dari segi tenaga, kepakaran, tenaga perubatan ataupun barang-barang yang boleh dihantar atau kepakaran untuk membantu mereka melaksanakan apa-apa kegiatan projek di situ. Kita juga akan mendapat kerjasama semua pihak dalam hal ini, bukanlah Malaysia saja. Kita mahu negara-negara lain dan OIC juga membantu. Jadi, pelbagai pendekatan perlu diambil untuk mengatasinya.

SOALAN: Dalam hal ini, Pak Lah melihat OIC masih mempunyai peranan besar untuk menyelesaikan masalah ini?

PM: Saya masih meletakkan harapan terhadap OIC untuk memainkan peranan yang lebih berkesan lagi pada masa hadapan dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan negeri-negeri berkenaan.

SOALAN: Sejak akhir-akhir ini, kita banyak mendengar berita mengenai pencemaran alam sekitar. Liputan yang baru dilakukan di Cameron Highlands. Apa pendirian Pak Lah mengenai pencemaran alam sekitar ini?

PM: Kita pasti mengambil tindakan untuk memberhentikan apa juga tindakan yang menyebabkan pencemaran alam sekitar. Ini mesti kita usahakan bersungguh-sungguh. Mungkin keupayaan kita kurang, kemampuan kita untuk memantau itu kurang, tidak berkesan sebagaimana diharapkan tetapi usaha yang lebih mesti diambil dan kerjasama dengan kerajaan negeri mesti ditingkatkan. Kerajaan negeri juga ada peranan yang perlu dilaksanakan. Pencemaran tidak boleh dibiarkan. Kalau dibiarkan berleluasa, sana-sini berlaku pencemaran, maka kita nanti akan rasa rimas berada dalam suasana yang tercemar itu. Udaranya tak bersih, sampah sarap di sana sini, airnya pun tak elok, macam-macam yang akan membuatkan kita rasa amat tidak selesa.

SOALAN: Mungkin kemampuan Jabatan Alam Sekitar itu masih pada peringkat yang tidak mampu?

PM: Jabatan Alam Sekitar pada waktu ini agak kecil sedikit jika dilihat dari segi pemantauan yang diharapkan daripada jabatan berkenaan. Keupayaan jabatan ini perlu ditingkatkan lagi.

SOALAN: Pak Lah pada satu ketika ada membincangkan soal jenayah dan soal kemalangan jalan raya, dan semalam Pak Lah berkata jangan putus asa untuk mengurangkan kemalangan. Apa yang sebenar berlaku, dari segi pemikiran Pak

Lah, tentang peningkatan jumlah kemalangan?

PM: Kemalangan yang berlaku ini, mengikut apa yang saya diberitahu, banyak bergantung kepada faktor manusia, iaitu pemandu yang tidak cekap, pemandu yang bawa tidak bertimbang rasa, tidak mengambil kira peraturan dan undang-undang jalan raya. Maka dengan sebab itu pemandu ini kita hendak pastikan menjadi pemandu bertanggungjawab supaya mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya. Dia juga mesti tahu selok-belok berhubung kait dengan tanggungjawabnya dan mesti juga memahami serba sedikit mengenai perkara teknikal kereta, bas dan lori yang dibawa. Dia tak boleh bawa terlalu lama kerana jika letih akan membahayakan orang lain. Saya tengok semalam di Pusat Latihan Pemandu yang baru ditubuhkan, yang mengajar sebelum kereta itu dipandu kena periksa semua, macam periksa kapal terbang, memeriksa lampu, brek, stereng, tengok sama ada air dan minyak cukup. Berapa orang yang periksa, orang tak periksa, naik kereta terus jalan. Tengah jalan minyak habis, tiba-tiba brek tak berfungsi, ada saja yang berlaku. Lampu belakang boleh jadi mentol sudah tidak menyala, dan bila kita brek orang tak sedar. Itu ketertiban dan prosedur yang perlu diikuti, bawa jangan terlalu lama. Ini tindakan yang perlu diambil dan saya harap syarikat-syarikat, kilang dan jabatan kerajaan yang menggunakan kenderaan berat perlu menghantar pemandu mereka untuk mendapat latihan. Inilah pusat latihan pertama seumpamanya di Asean.

SOALAN: Isu kadar jenayah yang meningkat agak membimbangkan seperti jenayah rogol, cabul dan sebagainya.

PM: Sekarang orang sudah rasa marah, dan ada rasa sesuatu perlu dilaksanakan dan tindakan yang lebih keras mesti diadakan sebagai usaha mencegah berlaku, hukuman berat supaya orang takut dan polis perlu tingkatan lagi keupayaan bertindak segera. Tetapi dalam banyak hal juga, Alhamdulillah polis sudah dapat tangkap dalam masa 24 jam, itu satu kecekapan mereka tetapi boleh cekap lagi. Saya cakap dengan Ketua Polis Negara, kita tidak boleh berada di mana-mana dan di semua tempat. Tiap-tiap 10 meter jarak kita kena ada di situ, mana boleh, tak mampu. Yang pentingnya sebaik saja kita dapat berita jenayah itu berlaku, polis mesti bertindak dengan cepat.

Bila berlaku, orang yang lakukan jenayah tiada peluang lari. Dengan polis tiada peluang untuk lari, buatlah macam manapun kereta laju ke, dalam masa yang terdekat kena tangkap. Apabila kena tangkap, kita mahu supaya siasatan dibuat dengan cepat dan setelah selesai siasatan, maka penjenayah berkeenaan mesti dibawa ke mahkamah untuk didakwa atas kesalahan dan hukuman dijatuhkan. Barulah ada rasa takut. Kalau tidak, dia buat tak ada apalah, 10 tahun cari dia tak jumpa. Dalam 10 tahun itu dia buat berapa kali lagi. Dia buat jenayah bersiri, lepas saja tak pernah ditangkap. Lagi lama dia lagi cekap, dia makin berpengalaman. Ini yang tidak baik, jadi kita kena bertindak cepat. Kalau cepat, maka kita harap ia akan menakutkan. Kecekapan polis untuk bertindak, kecekapan pihak berkuasa dan jabatan lain untuk bertindak dan membawa pesalah untuk diadili di mahkamah dan dihukum jika bersalah, ini satu tindakan yang akan menjadi peringatan, satu penghalang yang akan mengurangkan lagi jenayah. Orang takut nak lakukan kerana polis cekap.

SOALAN: Allahyarham ibu Pak Lah ada berkata sewaktu ditemuramah ketika hari pertama Pak Lah dilantik sebagai Perdana Menteri, "Kerja baik-baik ...macam itu." Sejauh mana beliau mempengaruhi stail kepimpinan Pak Lah sebagai Perdana Menteri?

PM: Sebenarnya banyak nasihat ibu saya mempengaruhi cara saya dan hubungan saya dengan orang lain. Walaupun ibu saya sudah tidak ada lagi, nasihat dan ingatannya masih saya simpan dalam ingatan saya. Saya cukup menghargai nasihatnya.

SOALAN: Pak Lah memang dari dulu dekat dengan rakyat, ya dulu dan

sekarang.

PM: Dulu pun dekat, sekarang pun dekat, sebab itu ibu saya kata begitu, kalau dulu dekat jangan pula sekarang sudah naik pangkat, tak dekat lagi dah.

SOALAN: Bagaimana Pak Lah mendapat reaksi selalunya daripada dasar yang Pak Lah buat? Sebab apa, ada pihak menyatakan Pak Lah suka mendapatkan reaksi daripada rakyat dan seluruh masyarakat. Bagaimana Pak Lah mendapatkannya?

PM: Saya ada pelbagai cara untuk mendapatkan maklum balas yang telah disampaikan kepada saya. Itulah cara saya daripada dulu pun. Kalau saya nak buat sesuatu dengan orang yang hendak membuat kerjasama dengan saya, saya akan beritahu, kalau ada pandangan, kalau ada apa-apa yang mereka hendak ingatkan, kut saya terlupa sedangkan kita manusia ini lupa pun ada. Yang kedua, ini kerana kadang-kadang perkara yang detail... perkara yang kecil-kecil yang kita kadang-kadang ingat macam tidak ada apa-apa tapi dalam pelaksanaan ia menjadi perkara penting. Jadi bila ada kawan-kawan dan rakan-rakan kerja, terutama yang bekerja dalam parti, Umno, boleh kata hampir semua perkara yang dibincangkan dalam Jawatankuasa Pengurusan walau apa pun saya bawa masuk dalam Majlis Tertinggi (MT), kerana saya anggap sebagai pemimpin walaupun saya memimpin dan memikirkan buat itu dan buat ini tetapi saya anggap adalah penting juga sekiranya pemimpin parti yang bekerja dengan saya itu tahu apa yang saya sudah buat, apakah cadangan saya, mengapa saya bertindak seperti itu, jadi apabila mereka faham, mereka akan membantu saya.

Dalam erti kata bila orang tanya mereka di mana-mana saja mereka hadir, dalam sesi dialog Perdana Menteri kata begini, macam mana Yang Berhormat punya pandangan, adakah Yang Berhormat setuju dengan Perdana Menteri atau tidak atau pun Perdana Menteri telah mengeluarkan kenyataan tetapi kami belum jelas, bolehkah Yang Berhormat tolong terang apa yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri? Jadi kalau Menteri ini tidak dengar, tidak tahu dan saya tidak beri penerangan, sudah tentu dia pun susah hendak bagi tahu, dia pun kata dia tak faham, 'saya pun tak tahu apa yang Pak Lah yang hendak buat ini', 'saya belum tanya dia (Pak Lah) lagi'. Ia akan jadi begitu dan orang yang bertanya akan kecewa. Saya tidak mahu jadi begitu dan bukanlah susah sebenarnya mendapat kesefahaman, sokongan dan kerjasama kalau kita usaha turun ke bawah jumpa orang, kita beri kerjasama, kita beri penerangan, saya dapati mudah juga kita mendapat.

SOALAN: Tetapi mungkin masa yang diambil agak lama hendak sampai kepada rakyat di bawah?

PM: Ia boleh saja, sama ada boleh secara 'direct' atau melalui kawan-kawan saya.

SOALAN: Mungkin sekarang agak berbeza, Kalau dulu sebelum menjadi Perdana Menteri, Pak Lah mudah dihampiri tetapi kerana protokol yang ada, mungkin rakyat ada 'gap' atau 'distance' untuk mengetahui?

PM: Itu yang merimaskan saya dan menyusahkan saya sangat. Saya sedih, kadang-kadang orang yang selalu saya jumpa, kini apabila mereka datang, jadi susah nak jumpa. Jadi tidak seronoklah, kalau dulu bila saya jumpa kawan-kawan atau rakyat adalah saya beri masa walaupun dalam seminit dua minit tanya khabar atau apa-apa semua. Tapi yalah sekarang kerja semakin banyak, dulu ada juga di rumah. Sekarang boleh kata kerja, kerja waktu pagi, tengah hari, petang, malam. Pergi pagi balik malam. Ada orang datang sebelah pagi dan kadang-kadang ada orang datang sebelah malam... setakat yang mampu saya layan, saya layan. Kalau dah tidak mampu apa boleh buat. Jadi itulah, saya harap semua sama-sama memahamilah, tapi saya tidak lupa pada kawan-kawan.

SOALAN: Kadang kala ada pihak yang menyatakan ada tindakan Pak Lah tidak lagi dan bukan kesinambungan usaha yang dijalankan oleh Tun Dr Mahathir

(Mohamad). Apa pandangan Pak Lah?

PM: Ini semuanya ada hubung kait dengan cara bekerja. Kalau dikatakan kesinambungan, apa makna kesinambungan dalam hal ini. Kesinambungan dalam menjayakan misi bagi mencapai visi 2020 itu ada tetapi cara bekerja dan bertindak itu berlainan. Tun Dr Mahathir pun mengakui, katanya "Cara Pak Lah tidak sama dengan saya. Saya cara saya... dia cara dia tetapi dasar berjalan dan keadaan Alhamdulillah, sama." Itulah mengikut kata Tun Dr Mahathir.

Saya ada baca laporan daripada Indonesia, kata semua berada dalam keadaan yang baik pada masa ini. Saya juga merasakan keadaan yang baik, saya juga merasai keadaan ekonomi kita dapat dilihat dengan jelas, malah prestasi eksport kita yang lebih tinggi daripada dulu, kita punya 'reserve' daripada luar yang begitu tinggi yang dulunya tidak pernah tercapai kini sudah tercapai, banyak perkara yang berlaku dan orang ramai pun saya rasa bila pergi mana-mana, seolah-olah ada satu kemesraan dan sokongan yang diberikan. Jadi yang pentingnya sekarang ini, kita perlu bertindak, walaupun banyak cakap-cakap. Jadi elok juga walaupun ada yang tidak baik yang berkaitan dengan perkhidmatan awam, rasuah, sama ada kaitan dengan keselamatan jalan raya, macam-macam yang kita buat. Nanti orang kata kita cakap saja tapi Pak Lah tidak buat pun.

SOALAN: Stail berbeza, matlamatnya sama.

PM: Ya matlamatnya sama, menggerakkan visi itu berlainan sedikit.

SOALAN: Akhir sekali, apa yang Pak Lah hendak sampaikan kepada seluruh rakyat Malaysia?

PM: Ya, saya kata dulu bekerjalah bersama dengan saya, bukan untuk saya kerana saya rasa kerja besar akan menjadi ringan kalau kita ramai sama-sama bekerja. Kerja yang susah, yang rumit, insya-Allah akan jadi lebih senang kalau ada muafakat, sama-samalah tolong beri pandangan dan beri kerjasama. Dan akhirnya kita dapat capai kejayaan, kerana kejayaan yang dicapai nanti kejayaan bersama hasil kerjasama antara kita dan ini melahirkan kepuasan, rasa puas hati di kalangan rakyat kerana mereka juga ada peranan. Sebenarnya kalau kita fikir rancangan pembangunan di negara kita, banyak perkara yang memerlukan 'response' daripada rakyat. Kalau rakyat bersikap membeku, tidak mahu buat apa-apa, tidak 'respond', jadi kita mungkin menghadapi banyak masalah untuk melaksanakannya.